

SALUTASI

BENGKEL STRATEGI DAN PEMANTAPAN PROMOSI UTeM

24 JULAI 2023 (ISNIN)

AMVERTON HERITAGE RESORT, AYER KEROH MELAKA

BISMILAHIRAHMANIRAHIM

TERIMA KASIH PENGACARA MAJLIS

1. YANG BERUSAHA PROFESOR DR. ZULKIFILIE BIN IBRAHIM

TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)

2. YANG BERBAHAGIA DATUK SAZALI BIN MUHD DIN

CEO, UTEM HOLDINGS

3. YANG BERBAHAGIA DATUK PROFESOR IR. TS. DR. MOHD JAILANI

BIN MOHD NOR

PROVOST T-JANA

4. YANG BERBAHAGIA DATIN WIRA TS. NURAZLINA BINTI MD

SANUSI

PENGARAH PEJABAT KOMUNIKASI KORPORAT DAN KA

PERHUBUNGAN CANSELORI

DEKAN-DEKAN FAKULTI

WAKIL-WAKIL JAWATANKUASA PROMOSI FAKULTI

WAKIL-WAKIL T-JANA

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIKASIHI SEKALIAN.

ASSALAMUALAIKUM W.B.T, SALAM SEJAHTERA

SALAM MALAYSIA MADANI

SALAM MELAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA MENGGAMIT DUNIA

SALAM UTeMKU SAYANG, MENJAJAR UNIVERSITI MELONJAK KE

HADAPAN

TEKS UCAPAN

YBRS. PROFESOR Ts. Dr. MASSILA BINTI KAMALRUDIN

NAIB CANSELOR

BENGKEL STRATEGI DAN PEMANTAPAN PROMOSI UTeM

24 JULAI 2023 (ISNIN)

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

BILIK PUTERI 3,

AMVERTON HERITAGE RESORT, AYER KEROH MELAKA

PENDAHULUAN

1. Alhamdullillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kehadrat Allah Subbahanahu Wata'ala, di atas segala rahmat dan kurniaan dariNya dapat kita berkumpul pada hari ini untuk menjayakan Bengkel Strategi dan Pemantapan Promosi UTeM.
2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada UHSB dan T-Jana yang telah berbesar hati untuk membiayai bengkel pada hari ini.
3. Ucapan terima kasih juga kepada Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) bersama T-Jana yang telah mengambil inisiatif mengadakan bengkel ini.

OBJEKTIF


Hadirin dan Hadirat yang dihormati sekalian,

4. Untuk makluman semua, UTeM melalui Pelan Strategik 2023 – 2025 telah mensasarkan enrolmen pelajar seramai 19,000 orang pada tahun 2025. Bagi tahun ini iaitu 2023, UTeM telah mensasarkan enrolmen pelajar seramai 15,000 pelajar. Walau bagaimanapun, data sehingga 31 Mei 2023 telah menunjukkan bahawa UTeM telah mencatatkan enrolmen pelajar seramai 12,150. Kita masih ketinggalan seramai 2,850 orang pelajar dan ini merupakan satu jumlah yang besar untuk kita kejar dengan berbaki hanya 5 bulan lagi sebelum tamat tahun 2023.

5. Oleh yang demikian, bagi meningkatkan enrolmen pelajar, Universiti telah merancang untuk membuat pengambilan pelajar melalui Laluan Terbuka seramai 1,000 orang selain daripada kaedah permohonan sedia ada melalui UPU. Perancangan ini bukan sahaja akan dapat meningkatkan jumlah enrolmen pelajar, tetapi secara tidak langsung akan dapat memberi peluang kepada lebih ramai rakyat Malaysia terutama yang berkemampuan untuk menyambung pelajaran di peringkat yang lebih tinggi.

6. Laluan Terbuka ini akan dikenali sebagai UTeM TUAH yang merupakan satu kaedah pengambilan pelajar tanpa melalui UPU tetapi memenuhi syarat kemasukan dan perlu membayar yuran penuh tanpa subsidi dengan anggaran RM35 ribu hingga RM49

ribu mengikut program. Ia terbuka kepada pelajar tempatan dan juga pelajar antarabangsa yang layak dari segi syarat kemasukan dan juga kemampuan.

- 
7. Cadangan bagi pengambilan pelajar melalui Laluan Terbuka ini adalah rentetan daripada permintaan yang sangat tinggi daripada pelajar lepasan sekolah menengah, IPTA dan IPTS yang ingin menyambung pelajaran di UTeM terutama bagi kemasukan ke Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK). Mengambil kira kelompok pelajar yang berkemampuan untuk membayar kos sebenar pengajian tanpa subsidi, maka UTeM merasakan bahawa Laluan Terbuka ini wajar untuk diwujud dan diperluaskan.

8. Secara tidak langsung, pengambilan pelajar melalui Laluan Terbuka ini juga menjadi satu platform penjanaan yang baik. Ini merupakan *win-win situation* kepada semua pihak di mana pelajar yang tidak berpeluang mendapat tawaran melalui UPU masih berpeluang untuk menyambung pelajaran, Universiti dapat menjana dan secara tidak langsung memenuhi keperluan perancangan strategik untuk mencapai jumlah enrolmen yang telah ditetapkan.

9. Untuk makluman semua juga, secara umumnya, subsidi yang diberikan kepada pelajar Sarjana Muda di UTeM pada masa kini adalah sekitar 80% daripada jumlah kos sebenar. Jumlah keseluruhan kos per pelajar untuk empat (4) tahun pengajian


adalah sekitar RM68 ribu tetapi pelajar hanya membayar RM13 ribu dan selebihnya adalah subsidi.

10. Pengambilan bagi Laluan Terbuka ini boleh dilakukan melalui T-Jana atau terus kepada Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (PPSH). Namun sebagai 1 entiti UTeM, saya percaya bahawa semua pihak perlu bekerjasama menggiatkan promosi dengan lebih proaktif bagi mencapai sasaran enrolmen yang telah ditetapkan.
11. Pihak PKKPC juga telah mewujudkan Skuad Promo UTeM yang terdiri daripada staf Fakulti dan BPA. Sebanyak 92 aktiviti promosi telah direncanakan sepanjang tahun ini dan hampir 50

program telah dilaksanakan. Pihak Universiti amat menghargai segala aktiviti dan gerak kerja promosi yang telah dibuat,

PENUTUP

Hadirin dan Hadirat Sekalian,

- 
12. Diharapkan dengan penganjuran bengkel ini, akan terhasil pelan promosi yang lebih mantap dengan mengetengahkan *wow factor* UTeM yang boleh menarik lebih ramai pelajar Malaysia mahupun luar negara. Peningkatan enrolmen pelajar sudah semestinya merupakan satu indikator yang baik terutama untuk mencapai ranking yang lebih tinggi

13. Akhir kata saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan Bengkel Strategi dan Pemantapan Promosi UTeM hari ini.

Sekian.

*Wabillahitaufik
Wabakaratuh.*



اوْنِيْفِرِسِيَّتِيْ تِيْكِنِيْكِلِ مَالِيْسِيَا مَلاَكِ
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA